

08/05/2002

Muhasabah diri elak umat Islam terus ditindas

KELMARIN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangkitkan soal sentimen kebencian terhadap umat Islam yang bertambah buruk berikutan serangan 11 September lalu di New York dan Washington, Amerika Syarikat. Secara sedar atau tidak, kesannya begitu dirasakan hari ini apabila nasihat, amaran dan teguran yang dibuat oleh negara Islam berhubung sesuatu isu, jarang diambil kira oleh dunia. Umat dan negara Islam boleh diperlakukan apa saja kerana mereka tidak ada kuasa untuk melawan akibat lemah serba serbi. Berikutan pelbagai peristiwa buruk yang membabitkan dunia Islam sama ada dilakukan sendiri atau dirancang oleh kuasa luar diburukkan lagi dengan tiada kesefahaman sesama negara Islam dan percakaran sesama umat Islam, masyarakat dunia terutama Barat yang berpengaruh tidak segan silu melemparkan berbagai tuduhan melulu terhadap Islam.

Dengan penguasaan media oleh kuasa yang sering mengaitkan Islam dengan kegiatan penganas dan kumpulan pelampau, dengan mudahlah pemikiran masyarakat dunia dipengaruhi mereka. Islam digambarkan sebagai agama yang begitu menakutkan. Sesuatu keputusan yang dibuat oleh negara Islam berhubung isu yang membabitkan masalah global bukan saja tidak dihormati dan tidak didengari, malah negara atau pertubuhan Islam dengan mudah dituduh hanya pandai memberi nasihat, tetapi tidak tahu mengurus diri sendiri. Dengan menanamkan imej yang buruk terhadap Islam, maka lebih mudahlah golongan atau negara yang anti-Islam memperlekehkan Islam. Semua ini meninggalkan kesan mendalam terhadap umat Islam dan Islam sendiri.

Perdana Menteri ketika berucap pada Persidangan ketujuh Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam menyalahkan umat Islam yang mengaibkan diri sendiri dan menyebabkan mereka dipandang rendah. Islam sentiasa benar, tetapi umat Islam sendiri yang mengamalkan ajaran Islam tidak betul dengan membuat pelbagai tafsir yang menyalahi kehendak agama. Di Malaysia, umat Islam memperlekehkan sesama Islam hingga ada yang tergamak menuduh umat Islam tertentu sebagai kafir. Mereka sanggup menafikan hakikat sebenar bahawa sesama Islam adalah bersaudara. Apabila tuduhan ini dibuat, masyarakat bukan Islam hilang hormat kepada penganut Islam. Dengan itu ada antara masyarakat bukan Islam berani mencemuh Islam.

Di sesetengah negara Islam yang sedang bergolak, angkara perbuatan musuh Islam, umatnya tidak mendapat sokongan negara Islam lain. Ini bukan kerana tidak ada negara Islam yang sanggup membantu tetapi akibat tidak ada kesepakatan. Mereka lebih rela negara dan umat Islam menjadi mangsa kekejaman. Jika ada negara yang sanggup membantu pun, mereka terpaksa lakukan secara bersembunyi. Bagi yang konon memperjuangkan Islam, mereka hanya mendiamkan diri seolah-olah apa yang berlaku terhadap umat dan negara Islam ditentukan takdir. Segala-galanya diserahkan kepada takdir hinggalah kesengsaraan dan kemiskinan yang ditanggung oleh umat dan negara Islam disalahkan kepada takdir.

Mereka seolah-olah menutup mata terhadap potensi negara Islam sekiranya bersatu padu. Apabila ada usaha yang dilakukan oleh pemimpin Islam untuk menaikkan maruah dan martabat Islam, orang ini dikecam kerana konon mementingkan duniawi. Mereka lupa usaha memajukan umat Islam adalah salah satu ibadah yang amat besar. Tanpa umat atau Islam yang kaya, tidak ada orang yang sanggup menderma atau bersedekah, malah mampu membayar zakat untuk memajukan kehidupan umat Islam. Begitu juga, sekiranya tidak ada negara Islam yang kaya, tidak ada negara yang mampu membantu negara Islam lain yang miskin. Tanpa negara Islam yang lengkap dengan kelengkapan

senjata, tidak ada negara yang sanggup memerangi Israel. Apakah kita rela melihat umat Islam selama-lamanya menderita akibat pandangan sempit oleh segelintir umat Islam begini. Selagi umat Islam tidak mahu muhasabah diri dan membuat penilaian terhadap betapa pentingnya umat Islam memajukan diri dan negara mereka, selagi itulah mereka terus menjadi barang permainan oleh pihak yang mahu melihat Islam sentiasa lemah.

(END)